

# Majlis Penyampaian Watikah Majlis Penghuni Kolej Kediaman



Norharnila Rusli



Majlis Penyampaian Watikah Majlis Penghuni Kolej Kediaman (MPKK) telah diadakan pada 30 hingga 31 Oktober 2009 yang lalu dengan jayanya. Penganjuran majlis yang dilangsungkan di The Regency Hotel, Alor Setar, Kedah tersebut diadakan untuk membuat penyerahan rasmi Watikah Pelantikan sebagai Ahli MPKK sesi 2009/2010. Disamping itu, majlis turut meraikan mantan ahli MPKK sesi 2008/2009 yang telah menabur bakti dalam pelaksanaan aktiviti pelajar di kolej kediaman sepanjang tahun. Di antara tetamu VIP yang turut hadir memeriahkan majlis pada malam tersebut adalah Naib Canselor UniMAP yang di kasihi iaitu Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin.

Ahli MPKK sesi 2009/2010 meneruskan perjalanan sebagai nadi penggerak aktiviti kolej kediaman pada keesokan harinya iaitu pada 31 Oktober 2009 dengan menghadiri sesi taklimat hala tuju MPKK. Dalam sesi tersebut, ahli MPKK didedahkan dengan perbagai info-info kolej kediaman, peraturan, serta tips-tips memperkasakan diri mengharungi cabaran dalam perlaksanaan aktiviti kolej kediaman selain diberi suntikan semangat dalam menggalas tanggungjawab sebagai ahli MPKK yang berkaliber. Di akhir program ini, semua ahli MPKK faham akan tugas serta tanggungjawab yang dipikul serta semua ahli berjanji untuk memberi sumbangan masa serta tenaga dalam hal pembangunan serta aktiviti pelajar di Kolej-kolej kediaman.